

19 OCT 2003

Mahathir-Cina/I

PANDANGAN MASYARAKAT CINA TERHADAP DR MAHATHIR BANYAK BERUBAH

Oleh: Santha Oorjitham

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Sebelum Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada 1981, musuh-musuh politik melabelkan beliau sebagai "pelampau Melayu" dan "anti Cina."

Tetapi selepas 22 tahun menerajui tampuk kepimpinan negara dan ketika Dr Mahathir membuat persediaan untuk bersara hujung bulan ini, pandangan sebahagian besar masyarakat Cina terhadap Perdana Menteri telah berubah.

"Apabila Dr Mahathir dilantik sebagai timbalan perdana menteri dan bakal mengambil alih jawatan perdana menteri, perasaan syak wasangka dan sangsi begitu menyelubungi kerana buku "The Malay Dilemma" dan rekod politiknya," kata pengerusi DAP Lim Kit Siang ketika mengimbas kembali kemunculan Dr Mahathir.

Dalam bukunya, "The Malay Dilemma, yang mula diterbitkan pada 1970, Dr Mahathir antara lain mahu orang Melayu diberikan "perlindungan konstruktif" dan dilema orang Melayu menurutnya ialah bagaimana orang Melayu harus cuba memperolehi kekayaan negara ini walaupun ia akan mengaburkan scenario ekonomi Malaysia.

Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya, berkata Dr Mahathir adalah di antara kumpulan "pelampau" yang menentang Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman, semasa akhir penggalnya.

"Mereka percaya Tunku tidak memberi peluang secukupnya kepada orang Melayu dalam sektor ekonomi," katanya.

Apabila Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri keempat, menurut Dr Khoo, orang bukan Melayu berasa bimbang bahawa orang Melayu akan mengambil alih kepentingan ekonomi mereka.

"Tetapi itu semuanya dilupakan menjelang 1990-an apabila ledakan ekonomi berlaku atas usaha besar Dr Mahathir membawa kemajuan dan perubahan ke arah Wawasan 2020," kata ahli sejarah itu.

Dalam tempoh 100 hari pertamanya memegang jawatan perdana menteri, Dr Mahathir menemui pelbagai lapisan masyarakat Cina termasuk menjadi hos kepada lawatan Perdana Menteri China, Zhao Ziyang.

Dr Mahathir juga menghadiri jamuan makan malam yang dianjurkan oleh MCA sempena pelantikannya dan kemudian melancarkan ulang tahun Dewan Perhimpunan Cina ke-58 dan sambutan Hari Kebangsaan.

Dalam majlis tersebut, beliau berjanji mengadakan lebih banyak dialog dengan rakyat dan meminta mereka terus menyuarakan pendapat mengenai masalah negara.

Pada September, semasa merasmikan perhimpunan agung MCA, beliau memberi amaran kepada parti komponen Barisan Nasional itu supaya jangan mengganggu status quo apabila Pemuda MCA meminta diwujudkan jawatan timbalan perdana menteri kedua.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Bersatu Cina Malaysia (ACCCIM), Tan Sri William Cheng berkata masyarakat peniaga Cina mula mengenali Dr Mahathir sejak beliau menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Cheng berkata sebilangan mereka agak bimbang dan tidak pasti dengan polisi baru yang akan diperkenalkan tetapi selepas beberapa tahun kemudian, perasaan bimbang mula lenyap.

Cheng, yang juga pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Lion, berkata Dr Mahathir dilihat sebagai seorang yang berkemampuan, agresif dan berani membuat keputusan dengan reaksi pantas apabila perlu, menggalakkan

Malaysia melangkah dari satu peringkat ke peringkat seterusnya.

"Kita sangat memerlukan seorang perdana menteri seperti itu. Dari 1988 sehingga 1997, Malaysia menikmati pertumbuhan ekonomi antara lapan hingga 10 peratus. Jika tidak kerana Krisis Ekonomi Asia, ekonomi negara dapat terus berkembang," katanya.

Menurut Kit Siang, pendidikan merupakan isu "panas" bagi masyarakat Cina pada tahun 1970-an. "Orang bukan Melayu berasa mereka tidak mempunyai masa depan dalam pendidikan tinggi di negara ini dan mereka terpaksa pergi ke luar negeri," katanya.

Tetapi pada penghujung tahun 1980-an and 1990-an, terdapat tambahan tempat pembelajaran di kolej swasta.

Kit Siang berkata pendidikan bahasa ibunda tidak lagi di bawah "ancaman" apabila Akta Pendidikan 1996 menghapuskan seksyen tersebut dengan memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan menutup sekolah jenis kebangsaan.

Bagaimanapun, ada juga ahli pendidik Cina yang masih berasa bimbang.

Seperti Dr Kua Kia Soong, ketua Kolej New Era yang dibentuk oleh pergerakan pendidikan Cina, Dong Jiao Zong. Beliau berkata bahawa Sijil Perperiksaan Bersatu dari sekolah menengah bebas Cina masih tidak diiktiraf untuk pendaftaran masuk ke universiti kerajaan atau menyertai perkhidmatan awam di Malaysia.

Bekas ahli Parlimen Petaling Jaya dari DAP itu berkata Akta Pendidikan baru pada 1996 tidak begitu baik seperti akta asal pada 1961, yang "memberi hak kepada pendidikan bahasa ibunda dan kini hanya wujud atas perintah Menteri Pendidikan."

Prof Khoo pula berpendapat bahawa masyarakat Cina yang percaya bahawa pendidikan bahasa ibunda diancam oleh kewujudan Sekolah Wawasan.

"Mereka berasa ia mungkin merupakan langkah pertama bagi perubahan ciri sekolah Cina," katanya.

Kit Siang berkata terdapat perubahan besar persepsi masyarakat Cina terhadap Dr Mahathir. "Mereka menganggap beliau sebagai sederhana dalam menangani ekstremis Islam," katanya.

Menurutnya, beliau melihat keputusan pilihan raya umum 1995 sebagai bukan kejayaan MCA dan Gerakan tetapi kemenangan Dr Mahathir dalam mendapatkan undi orang Cina, terima kasih atas liberalisasi soal bahasa, pendidikan, kebudayaan dan ekonomi.

Katanya, pada pilihan raya umum 1999, pengundi Cina menjadi "penyelamat" Barisan Nasional dalam mendapatkan majoriti dua pertiga di Parlimen.

Setelah menyatakan hasratnya untuk melepaskan jawatan dan kini membuat persediaan untuk bersara, masyarakat Cina bercadang mengadakan jamuan makan malam perpisahan secara peribadi untuk Dr Mahathir.

"Kami ingin mendapatkan pandangan beliau mengenai persaraan," kata presiden ACCCIM, Cheng.

"Beliau adalah aset kepada negara dan juga Dunia Ketiga. Beliau tidak seharusnya terus bersara. Jika beliau mempunyai masa, kami harap beliau akan menggunakan pengaruh dan hubungannya untuk berkhidmat bukan sahaja untuk Malaysia tetapi juga untuk Dunia ketiga," katanya.

-- BERNAMA

SMO AHH DC MOZ